

MALI-PERNYATAAN RRRRR

(I)

OLEH: AHMAD REJAL ARBEE' 1984

BAHAKO (MALI), 18 DIS (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN MALI HELAHIRKAN KEBIHBANGAN YANG AMATSANGAT TERHADAP SUASANA POLITIK ANTARABANGSA YANG BERTAHBAH BURUK DAN SUASANA EKONOHI DUNIA YANG SEHAKIN MERUNCING.

DALAH SATU PERNYATAAN BERSAHA YANG DITANDATANGANI OLEH **PERDANA MENTERI** DATUK SERI DR. HAHATHIR HOHAD DAN PRESIDEN JEN. HOUSSA TRAORE YANG DIKELUARKAN DI **SINI HARI INI**, HERKA HENEKANKAN PERLUNYA DIPATUHI SECARA TEGAS **PRINSIPTIDAK** HENYERANG DAN TIDAK HENGGUNAKAN PAKSAAN DALAH HENGENDALIKAN HUBUNGAN **ANTARABANGSA**.

PERNYATAAN **ITU** HELAHIRKAN KEBIHBANGAN **ATAS** HENINCKATNYA KETEGANGAN, PERGESERAN DAN CAHPUR **TANGANASING** DALAH HAL EHWAL ANTARABANGSA NEGARA-NEGARA **BERDAULAT**.

HENGENAI SUASANA EKONOHI **DAN** KEADAAN **TIDAK** SEIHBANGAN YANG **SEHAKIN** HERUNCING DALAH **SISTEMEKONOMI** ANTARABANGSA, PERNYATAAN **ITU** BERKATA HERKA GUSAR DENGAN HARGA KOHODITI **UTAMA** YANG **RENDAH**, PENINGKATAN **BERLEBIHAN** KADAR FAEDAH DAN KEADAAN **TURUN** NAIK DALAH KADAR **TUKARAN** **ASING**.

HEREKA **JUGA** HENYUARAKAN KEBIHBANGAN **ATAS** PENINGKATAN HUTANG-HUTANG LUAR **NEGERIBAGI** NEGARA-NEGARA MEHBANGUN DAN KEJADIAN KEHARAU BERTERUSAN DI **AFRIKA**. -- **LAGI**
1316MST la 12 84

U B914 DEB

MALI-PERNYATAAN 2 BAHAKO (MALI)RRRR

SAMBIL 'MENYERU DITERUSKAN DIALOG UTARA-SELATAN YANG BERMAKNA DAN PEHBENTUKAN PERATURAN BARU EKONOHI **ANTARABANGSA**, HERKA MENGGARISKAN, AKAN PENTINGNYA **BAGI** NEGARA-NEGARA HEMBANGUN HENERUSKAN SECARA AKTIF KERJASAHA SELATAN-SELATAN WALAUPUN **TANPA** SAMBUTAN **POSITIF** NEGARA-NEGARA MAJU.

HEREKA MELAHIRKAN DENGAN TEGAS KEAZAHAN HERKA UNTUK BERUSAHA MENGUKUHKAN PERPADUAN DAN KERJASAHA **DI** KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA **KETIGA** DAN MENENTANG FAHAH **PERKAUMAN**, APARTHEID SERTA ZIONISHE.

PERNYATAAN BERSAHA **ITU** **JUGA** HENYENTUH HENGENAS **NAMIBIA**, TIHUR **TENGHAH**, **SOAL PALESTIN** SERTA HENGUTUK SERANGAN PUAK **ZIONISDI** LUBNAN DAN **MENGULANGI** SOKONGAN **BAGI** **PERPADUAN**, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN **LUBNAN**.

MENGENAI AFGHANISTAN, MALAYSIA DAN MALI MELAHIRKAN KEBIMBANGAN
AKAN KETEGANGAN YANG BERTERUSAN DISEBABKAN OLEH KRISIS ITU.

MEREKA MENGULANGI GESAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SUPAYA
MENDAPATKAN PENYELESAIAN POLITIK DAN MENGHORMATI KEMERDEKAAN,
KEUTUHAN DAN TARAF BERKECUALI, BEBAS DARICAMPUR-TANGAN ASING,
PENGUASAAN DAN PENDUDUKANNYA. -- LAGI
1330MST 18 12 84

U B919 DEB
MALI-PERNYATAAN 3 BAMAKO (MALI) R R R R

PERNYATAAN ITU BERKATA MALI MENYOKONG USAHA MALAYSIA DAN
RAKAN-RAKANNYA DALAM ASEAN UNTUK MENUBUHKAN SATU ZONAMAN, BEBAS DAN
BERKECUALI DI ASIA TENGGARA.

MEREKA JUGA MENGGESA DIHENTIKAN SEGERA PERMUSUHAN UNTUK
MENAMATKAN PEPERANGAN IRAN DAN IRAQ DEMI KEPENTINGAN ISLAM DAN
UMMAH.

MEREKA BERSETUJU DIJALIN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT DAN
KERAJAAN-KERAJAAN ISLAM UNTUK MEMASTZKAN UMMAH ISLAM MENJADI KUASA
YANG DINAMIK DAN POSITIF BAGI KEAMANAN ANTARABANGSA DAN KEJAHTERAAN
ROHANI DAN EKONOMI.

KEDUA-DUA PEMIMPIN AKAN MEMIKUL TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGUKUHKAN
PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM.

PERNYATAAN ITU BERKATA PRES LDEN TRAORE DAN DATUK SERI DR.
MAHATHIR BERKEYAKINAN BAHAWA BENUA ANTARTIKA HENDAKLAH DISIFATKAN
SEBAGAI WARISAN BERSAMA MANUSIA DAN SUMBER-SUMBERNYA YANG BERPOTENSI
HENDAKLAH DIGUNAKAN SEPENUHNYA BAGI FAEDAH SEMUA MANUSIA. -- LAGI

U 8926 DEB
MALI-PERNYATAAN 4 BAMAKO (MALI) R R R

BENUA ANTARTIK HENDAKLAH TERUS SELAMA-LAMANYA DIGUNAKAN KHUSUS UNTUK TUJUAN KEAMANAN DAN TIDAK MENJADI TEMPAT ATAU ASAS BAGI PERSELISIHAN ANTARABANGSA SERTA HENDAKLAH DIBUKA KEPADA SEMUA NEGARA.

MENGENAI PERKARA-PERKARA DUA HALA, KEDUA-DUA PIHAK MENGULANGI KEINGINAN Masing-masing untuk mengukuhkan dan mempelbagaikan kerjasama mereka berasaskan perpaduan Islam dan berusaha ke arah pencapaian satu contoh kerjasama selatan-selatan.

Mereka menekankan tentang keadaan ekonomi yang saling bantu membantu antara Malaysia dan Mali dan mengakui perlunya para pemimpin kedua-dua negara menyatukan usaha demi kemajuan harmoni kedua-dua buah negara.

Mereka menekankan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dalam lawatan tersebut sebagai satu langkah dalam proses meluaskan hubungan persaudaraan dan persahajaan untuk menyumbangkan ke arah penyatuan dan peluasan kerjasama dua hala yang lebih berfaedah.

Satu perjanjian telah ditandatangani bagi penubuhan satu jawatankuasa bersama teknikal dan ekonomi Malaysia-Mali yang disebut oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapan di jamuan negara, akan bertindak sebagai satu penggerak untuk mencapai kerjasama yang lebih bermakna demi faedah bersama.

-- LAGI.
1527MST 18 12 a 4

D103

U 8927 DEB
MALI-PERNYATAAN 5 BAMAKO (MALI) R R R

Pernyataan itu berkata Datuk Seri Dr. Mahathir membayangkan ssebuahalat menggerudi akan dihantar ke Mali awal tahun 1985.

Pihak Mali telah melahirkan penghargaan yang mendalam atas pemberian yang baru daripada kerajaan Malaysia termasuk peralatan elektronik bagi pengumpulan berita dan sumbangan 20,000 metrik ton beras dalam tahun 1982 dan 1983 serta projek-projek bantuan teknikal dan pertanian yang sedang disumbangkan oleh kerajaan Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan Malaysia akan memberi 1,000 ton metrik beras lagi untuk membantu merincankan mangsa-mangsa kemarau.

Dalam satu sidang akhbar kemudian, beliau menyebut tentang kemungkinan Malaysia mengimport barang-barang dari Mali.

Perdana Menteri akan meminta perbadanan pelaburan Seberang Laut Malaysia (MOIC) untuk mengkaji kemungkinan mengimport mangga Mali dan jus asam Jawa yang dikeluarkan oleh Mali sebagai sejenis minuman.

-- BERNAMA